



PARLIMEN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

HARI TERBUKA PARLIMEN MALAYSIA 2026 KEUNGGULAN 67 TAHUN MENONJOLKAN KOMITMEN REFORMASI INSTITUSI PERUNDANGAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 12 SEPTEMBER 2026 – Parlimen Malaysia kembali membuka ruang interaksi awam menerusi penganjuran Hari Terbuka Parlimen Malaysia 2026 (HTPM 2026) yang berlangsung selama **dua (2) hari** bermula hari ini hingga 13 September 2026 di Kompleks Parlimen Malaysia.

Bertemakan **Merakytakan Parlimen: Reformasi Institusi Perundangan Negara**, acara ini telah disempurnakan oleh **YB Senator Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah, Yang di-Pertua Dewan Negara** dan **YB Tan Sri Dato' Dr. Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat**.

Penganjuran **edisi ketiga** ini turut mengambil kira **sambutan ulang tahun ke-67 Parlimen** yang disambut pada tanggal 11 September saban tahun. Dalam masa sama, penganjuran ini turut dianjurkan bersekali dengan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026 sebagai usaha menggelorakan semangat kebangsaan menerusi kefahaman amalan demokrasi negara. Oleh itu, ini menjadi simbol komitmen institusi Parlimen terhadap menjayakan agenda reformasi yang sedang giat dilaksanakan termasuk usaha ke arah pemerkasaan Akta Perkhidmatan Parlimen (PSA).

Penganjuran HTPM 2026 memberi peluang kepada orang awam secara eksklusif bagi melawat Dewan Negara dan Dewan Rakyat secara dekat tanpa memerlukan temujanji sepanjang tempoh penganjurannya. Walau bagaimanapun, akses ini masih tertakluk

kepada ketetapan Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298). Kelonggaran akses ini dipercayai memanfaatkan lebih 10,000 pengunjung untuk merasai pengalaman demokrasi berparlimen secara langsung.

HTPM 2026 turut menghimpunkan lebih 50 pempamer daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta bagi memberi kefahaman mengenai fungsi legislatif. Dalam masa sama, melalui platform Parlimen Belia Malaysia (PBMy), program ini menawarkan aktiviti menarik bagi golongan belia berumur 18 hingga 30 tahun, termasuk pengisian aktiviti e-sukan (*e-sports*) dan aktiviti sukan lasak.

Dalam masa sama, program ini sesuai dikunjungi oleh seisi keluarga dengan mengunjungi beberapa mercu tanda paling ikonik yang terdapat di Kompleks Parlimen Malaysia antaranya taman rusa, jam bunga Parlimen Malaysia (*floral clock*), Tugu Memorial Tunku Abdul Rahman dan meriam di samping melihat keunikan seni bina bangunan Parlimen Malaysia yang telah diwartakan sebagai bangunan warisan negara di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Orang ramai juga boleh memanfaatkan kemudahan perkhidmatan kaunter bergerak seperti JPJ, JPN, AADK dan ECRL.

Secara keseluruhan, HTPM 2026 adalah manifestasi nyata keterbukaan Parlimen Malaysia bagi mematangkan amalan demokrasi serta merapatkan jurang antara institusi perundangan negara dengan khalayak.

Orang ramai masih berpeluang memanfaatkan hujung minggu ini dengan berkunjung ke Parlimen Malaysia sementara peluang keemasan ini dibuka kepada penyertaan awam mulai jam 9:00 pagi hingga 5:00 petang.

-TAMAT-

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
12 SEPTEMBER 2026**

Maklumat Program Hari Terbuka Parlimen Malaysia 2026 (HTPM 2026)

Pengisian aktiviti adalah berkonsepkan didik hibur (*edutainment*) untuk memberi pengalaman luar biasa kepada pengunjung yang hadir ke Parlimen Malaysia merangkumi tiga (3) segmen utama.

Pelbagai Aktiviti Menarik

PARLIMEN MALAYSIA

PROGRAM HARI TERBUKA 67 Tahun
PARLIMEN MALAYSIA 2026
"Merayakan Parlimen: Reformasi Institusi Perundangan Malaysia"

12-13 SEPTEMBER 2026 | **SABTU & AHAD 9.00AM - 5.00PM** | **PARLIMEN MALAYSIA**

SEGMENT PARLIMEN KITA

- Majlis Perasmian Program Hari Terbuka Parlimen Malaysia 2026
- Lawatan ke Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Galeri Parlimen Malaysia
- Pameran Bergambar dan Digital
- Pameran dan Aktiviti Parlimen Belia Malaysia (PBMy)
- Lawatan ke Perpustakaan Parlimen Malaysia
- Jualan Cenderamata Parlimen

SEGMENT KHIDMAT KEPADA RAKYAT

- Pameran Agensi Kerajaan / GLC / Swasta / NGO
- Perkhidmatan Kaunter Bergerak JPJ / Jabatan Pendaftaran Negara / AADK / ECRL
- Pemeriksaan Kesihatan Percuma dan Kempen Derma Darah
- *Pocket Talk* dan Sesi Perkongsian Maklumat
- Aktiviti Sukan e-Sport, x-Game dan Futsal
- Persembahan Nyanyian
- Tayangan Filem Percuma
- Pameran Robotik dan *Virtual Reality* (VR)
- Interaktif Permainan Rakyat

SEGMENT MEMBANGUN MALAYSIA

- Pameran dan Jualan Produk Agensi Swasta / GLC / NGO dan lain-lain
- Jualan Agro MADANI
- *Food Truck* Makanan dan Minuman